

# Pemuda UMNO mahu Mukhriz nyatakan kedudukan

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Barisan kepimpinan Pemuda UMNO mahu Datuk Mukhriz Mahathir menyatakan dengan jelas kedudukan sama ada beliau masih bersama dengan pendirian pergerakan itu atau sebaliknya.

Inilah reaksi mereka terhadap komen Mukhriz yang memperlekehkan Ucapan dasar presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 2006 Rabu lepas.

Mereka juga mahu Mukhriz memikirkan sendiri sama ada wajar bagi beliau mengundur diri daripada jawatan exco pergerakan itu.

Ketua Pemuda UMNO Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata Mukhriz sudah matang untuk memikirkan sendiri kedudukannya setelah mengetahui perasaan barisan kepimpinan pergerakan itu.

"Dia orang matang, exco Pemuda UMNO...tindakan dia selepas ini menunjukkan sama ada dia wajar diberi tempat untuk memimpin kerana kalau Orang tak boleh meletakkan pertimbangan peribadi dengan pertimbangan parti dan kawan, orang akan menilai beliau sebegitu rupa," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau yang ditemui semasa melawat Pusat Media untuk Perhimpunan Agung UMNO 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) diminta mengulas lanjut mengenai komen Mukhriz.

Dalam komennya yang tersiar dalam sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris semalam, Mukhriz antara lain berkata ucapan dasar presiden itu tidak mengemukakan idea baru.

Ditanya tindakan yang perlu dilakukan Mukhriz jika ingin menjernihkan suasana, Hishammuddin berkata: "Beliau perlu menjelaskan dan memenangi hati, bukan sahaja saya, sebagai Ketua Pemuda, bukan sahaja Khairy (Jamaluddin) sebagai naib tapi seluruh saf kepimpinan kita dari exco kepada negeri."

Menteri Pelajaran itu berkata seluruh barisan exco dan pemimpin Pemuda UMNO peringkat negeri, termasuk yang rapat dengan Mukhriz, berasa kecewa dan marah

dengan kenyataan beliau itu.

"Dia dah memalukan pergerakan kita, menghina pendirian Pemuda. Apa yang beliau lakukan walaupun berkisar kepada salah pertimbangan peribadi, dalam perjuangan itu tidak boleh diambil kira bila kita membincangkan kedudukan parti UMNO," katanya.

Ditanya sama ada seorang anggota Umno tidak boleh mengkritik kepimpinan, Hishammuddin berkata persoalan itu tidak timbul kerana ini menyentuh soal prinsip Pemuda.

"Dalam Pemuda kita menyokong usul ucapan dasar (Presiden). Sesiapa sahaja bercanggah tak mengikut amalan kita menunjukkan bahawa tak ada disiplin dalam Pemuda," tegas beliau.

Beliau menambah Pemuda Umno sebelum ini telah memberikan banyak ruang kepada Mukhriz mengeluarkan kenyataan berhubung perselisihan pendapat ayahnya, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Abdullah demi menjaga perpaduan pergerakan itu.

"Tetapi, apa yang dia katakan langsung tak ambil kira apa yang telah kita berikan kepada dia sebagai ruang sedikit, tidak langsung memikirkan apa yang kita nyatakan dalam perhimpunan kita memberi penghormatan kepada Tun (Dr Mahathir),

'Langsung tak mengambil kira bahawa pendirian yang dia cakap itu boleh diinterpretasi sebagai pendirian Pemuda yang sokong ucapan presiden dan bercanggah dengan apa yang saya tuntut dari setiap exco saya," katanya.

Sementara itu, dalam satu sidang akhbar di PWTC, ketua-ketua Pemuda UMNO berkata mereka telah hilang perasaan hormat kepada Mukhriz berikutan kenyataannya itu dan mendesak beliau mengkaji semula kedudukannya dalam exco pergerakan itu.

Ketua Pemuda Melaka Ashakari Abu Noor berkata Mukhriz perlu berbuat demikian "jika dia nak bersifat pembangkang".

"Kita bersifat jemaah. Kita buat satu keputusan kolektif untuk berdiri teguh di belakang Datuk Hishammuddin dan presiden kita Datuk Seri Abdullah," jelasnya.